

18/09/2003

PM, TPM periksa perbarisan 1,400 ahli

PERSIAPAN sambutan Perayaan Ulang Tahun ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa Barisan Nasional (BN) di Stadium Merdeka Sabtu ini hampir 60 peratus siap.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Persiapan dan Teknikal, Senator Datuk Yaakob Mohammad berpuashati dengan persiapan sambutan.

Katanya, pembinaan pentas menempatkan 1,000 pemimpin BN sudah 60 peratus siap manakala peralatan, termasuk sistem audio telah tiba di Stadium Merdeka.

"Kita menjangka semuanya siap sebelum Sabtu ini," katanya selepas meninjau persiapan di Stadium Merdeka semalam.

Yaakob berkata, perhimpunan bertemakan 'Kongsi Kuasa Kejayaan Malaysia' bermula jam 3 petang dengan perarakan khas Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Timbalan Pengerusi BN, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersama Datin Seri Endon Mahmood.

Mereka akan diarak menaiki kenderaan khas 15 minit mengelilingi stadium diiringi lagu Pahlawanku berserta 14 pembawa bendera komponen BN.

"Dr Mahathir dan Abdullah akan memeriksa perbarisan kontinjen BN seramai 1,400 peserta Pergerakan Pemuda dan Wanita BN. Ia diikuti bacaan doa oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin dan bacaan ikrar," katanya.